# Medan Bahasa

## Apa Dia "Kebudayaan Malaya" atau "Malayan Culture" itu?

Dalam ucapannya di Persidangan Badan-badan Bahasa dan Persuratan Melayu, di Kuala Lumpur baharu-baharu ini, A.Muhammad Khir Johari, Menteri Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu, berkata, bahawa Bahasa Melayu – bahasa kebangsaan – itu, akan menjadi satu dari sifat yang menunjukkan keperibadian kita dan asas untuk menimbulkan perimbangan hidup kebudayaan.

Lebih lanjut beliau menegaskan:

"Penentuan corak kebudayaan dan peribadi kebangsaan kita bergantung pada unsur-unsur yang ada dalam kehidupan rakyat kita di negeri ini. Kitalah yang bertanggungjawab. Teori-teori dari luar tidak sepatutnya mengelirukan kita. Dan tidaklah pada tempatnya jika orang-orang yang tidak memikul tanggungjawab kebangsaan atau kenegaraan kita ini mencuba pula memandai-mandai di dalam soal yang luar daripada sempadan. Berbagai-bagai teori kebudayaan telah kedengaran seperti kebudayaan Malaya atau *Malayan Culture* dan sebagainya. Saya sungguh berasa musykil sebab kejadian yang seumpama ini mungkin mengelirukan pembaca-pembaca di luar negeri. Saya lebih suka masing-masing jaga hal rumah masing-masing."

*          *          *

## Peranan bahasa kebangsaan

Dalam satu persidangan akhbar baharu-baharu ini, Tuan Syed Jaafar Albar, Menteri Muda Penerangan, Radio dan Filem Unit Persekutuan Tanah Melayu, menerangkan bahawa bahasa Melayu, bahasa kebangsaan yang tunggal itu, mempunyai peranan yang penting bagi membentuk satu rupa bangsa yang tunggal dari berbagai-bagai bangsa yang ada di dalam negeri ini.

Bagi menjayakan cita-cita ini, kata beliau, amatlah mustahaknya rakyat negeri ini mengenal dan memahamkan bahasa kebangsaan dan kebudayaan Melayu.

Jabatannya, kata menteri muda itu lagi, akan bersegera mengambil langkah pada memperluaskan penerangan mengenai bahasa kebangsaan dan kebudayaan Melayu kepada sekalian penduduk, bagi merapatkan perhubungan baik antara segala kaum dalam negeri.

Kepada akhbar-akhbar kebangsaan, beliau meminta kerjasama menolong kerajaan pada membasmi perkembangan semangat perkauman dalam kalangan rakyat seluruhnya.